



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

PELANCARAN MARA DIGITAL @ KUANTAN

**PLAZA GAMBUT,
KUANTAN, PAHANG**

29 OKTOBER 2017, AHAD
WAKTU KETIBAAN: 10.30 PAGI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

Assalamualaikum wbt.

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat sama-sama berkumpul di Plaza Gambut, Kuantan, Pahang ini bagi menjadi saksi kepada satu lagi mercu tanda kejayaan MARA di dalam agenda pembangunan dalam memartabatkan usahawan Bumiputera, selaras arus pembangunan teknologi digital era alaf baru ini.

OBJEKTIF PENUBUHAN MARA DIGITAL

2. Tahniah saya ucapkan semua yang terlibat, terutamanya MARA Negeri Pahang dalam merealisasikan MARA Digital di Negeri Pahang Darul Makmur ini.

3. MARA Digital@Kuantan, adalah merupakan kesinambungan dari kejayaan dan kesungguhan berterusan MARA dalam memastikan transformasi teknousahawan Bumiputera terus maju dalam bidang komunikasi. MARA Digital yang pertama di Menara MARA, Kuala Lumpur pada 2015 telah mencatat kejayaan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembukaan Mara Digital di Anggerik Mall, Selangor pada 2016, yang ketiga MARA Digital@Ipoh pada 12 Oktober 2017 dan hari ini kelahiran MARA Digital@Kuantan.

Ini merupakan usaha berterusan oleh MARA dalam memperkasakan serta melahirkan lebih banyak lagi Usahawan Bumiputera dalam perniagaan runcit berkaitan ICT.

4. Dengan penubuhan rangkaian MARA Digital ini, ianya akan dapat memberi penumpuan kepada perniagaan runcit barangan elektronik yang selari dengan peranan MARA memperluaskan lagi peluang kepada usahawan Bumiputera dalam kluster ICT dan teknologi.

5. Oleh itu, saya amat optimis untuk melihat lebih banyak lagi projek seumpama ini dilaksanakan Mara.

IMPAK MARA DIGITAL

6. Saya amat yakin dengan kemampuan MARA Digital@ Kuantan ini untuk memacu kejayaan bagi usahawan Bumiputera setempat di sini. Jika MARA Digital

Kuala Lumpur boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kejayaan, pada tahun 2016 ia telah merekodkan lebih 1 juta pengunjung dengan jualan melebihi RM18 juta, manakala setakat Ogos 2017, seramai 585, 580 orang pengunjung telah dicatatkan dengan hasil jualan melebihi RM 7.6 juta.

7. MARA amat yakin dengan peluang yang ada kerana sungguh membanggakan kami apabila para pelabur ataupun para pembekal di MARA Digital adalah terdiri dari jenama-jenama besar seperti Acer, Asus, Lenovo, Huawei, Digi, Celcom, Maxis dan banyak lagi yang menaruh kepercayaan kepada kemampuan MARA Digital untuk memasarkan produk mereka.

8. Infrastruktur MARA Digital sentiasa diberi perhatian penuh dari semasa ke semasa kerana ianya dilihat sebagai platform yang mampu menarik syarikat produk IT untuk mempromosikan produk mereka sepertimana OPPO Fair dan ACER Roadshow yang telah diadakan di MARA Digital Kuala Lumpur.

9. Tambah hebat lagi, MARA Digital di Kuala Lumpur akan dikembangkan lagi dengan penambahan premis di Tingkat 4 kerana premis di Tingkat 3 tidak lagi mampu menampung permintaan sedia ada samada daripada para pengunjung mahu pun daripada usahawan ICT yang semakin yakin dengan peluang perniagaan yang ada.

10. Adalah amat penting bagi kita dalam menuju ke arah negara maju dengan pendapatan tinggi, ruang perniagaan perlulah yang kompetitif di samping selesa dan kondusif bagi menyakinkan dan menarik minat para pelanggan untuk berkunjung.

11. Apa yang kita rancangkan, MARA Digital ini juga akan mampu menjadi pusat setempat dan peneraju bagi rujukan dan pembekal utama bukan sahaja bidang penjualan telefon, membaiki dan servis telefon tetapi juga mampu menjadi 'champion' kepada apa sahaja bidang berkaitan teknologi dan ICT.

PROMOSI MARA DIGITAL

12. Bermula Oktober ini, MARA Digital akan memperkenalkan MARA Digital di seluruh negara dengan memastikan jenama MARA Digital mampu berdiri kukuh seiring dengan pembangunan ICT dan teknologi digital global.

MEMPERKASAKAN MARA DIGITAL SEIRING KEPESATAN KEPENGGUNAAN ICT DAN GAJET

13. MARA telah bersiap sedia dengan kekuatan dari segi tenaga mahir dan pembangunan teknikal seperti latihan dalam bidang berkaitan seperti kursus membaiki telefon di GIATMARA, bidang kejuruteraan, perisian komputer, multimedia dan berbagai lagi bidang kejuruteraan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan juga di Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

14. Ini adalah bagi memberi peluang kepada usahawan pada akan datang, adalah dari mereka yang berlatar belakangkan bidang yang berkaitan agar peningkatan diri dalam bidang keusahawanan berasaskan teknologi dan ICT adalah selaras dan berkesinambungan dengan arus pembangunannya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Revolusi Industri ICT dalam Usahawan Bumiputera dan peningkatan penggunaan telefon pintar kini semakin meluas yang menjanjikan peluang perniagaan yang perlu diambil oleh Usahawan Bumiputera.

16. Dari 2013 hingga 2017, 11 juta pengguna dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10% yang mensasarkan terutamanya golongan umur 30 tahun ke bawah di mana ianya mencakupi 64% dari jumlah keseluruhan pengguna telefon pintar.

17. Berdasarkan kepada angka yang dikeluarkan oleh SKMM, penetration rates bagi penggunaan telefon pintar adalah 134 per 100 orang rakyat Malaysia dengan jumlah keseluruhan langganan jalur lebar (broadband) sebanyak 30.6 juta.

18. Mengikut ICT Strategic Review (ICTS & Service) 2016/2017, unjuran industri ICT dan perkhidmatan berkaitan adalah berjumlah melebihi RM 77 billion ringgit. Ini adalah berikutan berkembangnya industri ICT di negara melalui anjakan teknologi kepada Internet of Industry (IOT), perkhidmatan pembangunan dan penyediaan aplikasi, keselamatan siber, jalur lebar dan sebagainya.

19. Berdasarkan kajian sebuah firma penyelidikan pasaran, GFK, rakyat Malaysia telah dilaporkan berbelanja sekitar RM 6.8 billion untuk membeli telefon pintar.

20. Jumlah berkenaan direkodkan bermula Mac 2016 hingga Februari 2017 sahaja. Dan angka ini terus meningkat jika dibandingkan dengan tahun sebelum iaitu RM5.4 billion pada tahun 2015.

21. Manakala antara faktor penyumbang kepada kenaikan jumlah perbelanjaan tersebut adalah peningkatan jualan telefon pintar kelas pertengahan yang dijual pada harga RM900-RM1090 sahaja. Juga kebanjiran telefon pintar dari negara China yang semakin mendapat tempat di hati pengguna.

22. Rakyat Malaysia juga semakin gemar memilih telefon pintar dengan skrin paparan yang lebih besar di mana 45% dari 8.5 juta unit yang dijual dalam tempoh 12 bulan lepas adalah berukuran 5 inci ke atas.

23. Aplikasi membeli belah e-dagang juga menyumbang kepada peningkatan jualan kerana pembelian atas talian semakin popular. Perkembangan pesat industri menjadikan permintaan terhadap gajet ICT seperti telefon pintar, komputer riba dan peribadi serta aksesori berkaitan adalah sangat tinggi.

24. Bahkan ia telah menjadi satu gaya ikutan terkini dan keperluan harian, maka industri ICT ini perlu dipandang serius oleh golongan muda sebagai satu cabang bidang usahawan yang semakin menjanjikan pendapatan yang lumayan.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

25. Dari satu sudut yang lain, pengwujudan MARA Digital ini adalah bertujuan memberi satu kedudukan yang lebih stabil dan kukuh kepada usahawan Bumiputera kita untuk menjadi 'Industry Player'.

26. Ini adalah kerana kita sering menghadapi masalah dalam penetapan harga runcit semasa, kerana kita berdiri secara sendirian dan berada di dalam kelompok minoriti. Justeru, penubuhan MARA Digital diharap dapat menjadi penggerak dalam merencana kolaborasi bersepadu antara usahawan untuk bekerjasama supaya pegangan ekuiti Bumiputera terus berkembang dan semakin mantap.

27. Melalui inisiatif ini, rantai nilai (supply chain) antara usahawan ICT akan terbina dengan lebih kompetitif. Lebih-lebih lagi aktiviti di setiap MARA Digital akan dipantau oleh Jawatankuasa PEMANDU MARA Digital yang turut disertai oleh agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan. Ini akan meningkatkan lagi tahap keyakinan pelanggan terhadap produk-produk yang dibeli dari MARA Digital.

INISIATIF MARA DIGITAL DALAM PEMBANGUNAN GRADUAN IPMA

Hadirin hadirat sekalian,

28. MARA juga amat prihatin dalam menentukan halatuju graduan dari Institut Pendidikan MARA (IPMa) dalam usaha memberi kepelbagaian bidang pekerjaan supaya mereka tidak hanya menjadi 'Job Seeker' sahaja tetapi mampu untuk menjadi 'Job Creator' dalam bidang masing-masing.

29. MARA Digital@Kuantan telah membuka peluang kepada para graduan sebagai platform melatih diri dalam mengenali bidang keusahawan dengan penubuhan Inkubator Usahawan ICT yang akan memberi fokus kepada para graduan yang berminat dalam menceburi bidang keusahawan ICT tanpa modal pendahuluan.

30. Percubaan mereka akan dipantau oleh 'Anchor-Tenant' yang dilantik oleh MARA Digital dengan membekalkan produk permulaan secara percuma. Ini tidak

termasuk skim-skim pinjaman perniagaan yang disediakan oleh MARA. MARA Digital juga dilihat telah berupaya mencipta peluang pekerjaan dalam rangkaian bidang keusahawanan ICT ini dan akan mampu melonjak aspirasi TN50 yang disuarakan oleh YAB Perdana Menteri kita.

PENUTUP

31. Saya amat yakin dan optimis dengan kemampuan dan kejayaan yang akan dilakarkan oleh MARA Digital dalam memperkasakan usahawan Bumiputera dalam bidang ICT dan teknologi.

32. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan TAHNIAH kepada semua jentera MARA yang terlibat di dalam melaksanakan pelancaran MARA Digital@Kuantan pada hari ini.

Dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM, saya melancarkan MARA DIGITAL@KUANTAN, PAHANG 2017.

Terima kasih.